

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN



Pusat rawatan jauh tambah derita pesakit kanser

Eksklusif

Peluang pesakit kanser untuk sembuh sering bergantung kepada berapa segera rawatan dapat diberikan. Namun pelbagai kekangan jadi penghalang, antaranya kekurangan fasiliti khusus bagi merawat kanser dihidapi kanak-kanak di negara ini, menyebabkan ada pesakit terpaksa menempuh perjalanan sehingga 300 kilometer, selain dibelenggu beban kewangan membiayai kos pengangkutan.

Oleh Suzalina Halid → Nasional 6, 7

700

Kanak-kanak berumur bawah 15 tahun didiagnosis menghidap kanser setiap tahun

128

Jumlah pakar onkologi di Malaysia, manakala lima negeri langsung tidak memiliki pusat rawatan untuk kanser

(Fotohiasan)

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

Kekurangan pusat rawat kanser tambah penderitaan pesakit

Keluarga terpaksa tanggung pelbagai kos, beban kewangan untuk dapatkan rawatan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kekurangan fasiliti kesihatan khusus bagi merawat kanser dalam kalangan kanak-kanak di negara ini, menyebabkan ada pesakit terpaksa menempuh perjalanan sehingga 300 kilometer (km), selain dibelenggu beban kewangan membayai kos pengangkutan.

Mendedahkan demikian, Persatuan Sokongan Kanser Kanak-Kanak (CAKNE) merekodkan ada keluarga pesakit kanser dari negeri yang jauh dari ibu negara terpaksa menyewa kenderaan untuk ke Lembah Klang menghantar anak mereka mendapatkan rawatan.

Lebih tragis, ada keluarga memilih perubatan alternatif seperti rawatan tradisional yang boleh memberi kesan buruk kepada pesakit, manakala peratusan untuk sembuh dikhuatiri menjadi lebih rendah kerana lambat mendapatkan rawatan.

Mac lalu, Kementerian Kesihatan (KKM) mendedahkan lebih 700 kanak-kanak berusia bawah 15 tahun di negara ini didiagnosis dengan kanser setiap tahun atau secara purata dua kanak-kanak setiap hari.

Untuk khidmat rawatan, Malaysia hanya mempunyai 128 pakar onkologi berdasarkan rekod setakat dua tahun lalu, sebahagian besarnya berkhidmat dengan KKM, selebihnya di hospital universiti.

Onkologi adalah cabang perubatan berkait kajian, rawatan, diagnosis dan pencegahan kanser.

Mengulas kesukaran dihadapi kanak-kanak pesakit kanser, Presiden CAKNE, Mohd Shah Awaluddin, berkata beban ditanggung mereka kerana tiada pusat rawatan kanser untuk kumpulan pesakit berusia 19 tahun dan ke bawah di Melaka, Pahang, Perlis, Negeri Sembilan dan Kedah.

Kemudahan itu, katanya, hanya ada di Lembah Klang; Pulau Pinang; Ipoh, Perak; Johor Bahru, Johor; Kuala Terengganu, Terengganu; Kota Bharu, Kelantan; Kuching, Sarawak dan di Likas, Sabah.

"Di Lembah Klang, ada tiga hospital kanser kanak-kanak, namun tiada di beberapa negeri lain seperti Pahang, Melaka dan Negeri Sembilan. Jika pesakit di Jerantut contohnya, mereka terpaksa menempuh perjalanan ratusan kilometer untuk ke Kuala Lumpur.

"Berdasarkan kes yang kita bantu sebelum ini, ada pesakit terpaksa sewa kereta kerana tiada kenderaan. Dalam sesetengah kes, disebabkan kekurangan akses rawatan, ada keluarga lambat menghantar anak mereka ke hospital.

"Lebih buruk, ada mendapatkan perubatan alternatif untuk anak mereka seperti rawatan tradisional. Ia memberi kesan buruk kepada pesakit, termasuk peratusan untuk sembuh menjadi lebih rendah kerana lambat mendapatkan rawatan," katanya kepada BH.

Katanya, sekurang-kurangnya 800 keluarga kanak-kanak pesakit kanser kurang berkemampuan sudah dibantu persatuan itu setakat ini dalam bentuk bayaran tambang antara RM300 hingga RM400 setiap kes bagi meringankan beban mereka membawa anak berulang-alik mendapatkan rawatan.

Sumbangan RM350 sebulan

Selain itu, Mohd Shah berkata, CAKNE yang ditubuhkan pada 2008 sebagai kumpulan sokongan kepada ibu bapa mempunyai



Pakar kesihatan menganggarkan 10 peratus pesakit baharu kanser tidak meneruskan rawatan di hospital atas pelbagai faktor. (Foto hiasan)

anak menghidap kanser, turut menyalurkan sumbangan sara hidup RM350 sebulan selama enam bulan untuk kumpulan sasaran dalam kalangan B40.

"Ia untuk tampung kos makan minum dan penginapan jika ahli keluarga terpaksa tunggu anak jalani rawatan atau dimasukkan ke wad. Memang ada hospital sediakan asrama, tapi jumlahnya tidak cukup," katanya berharap akses rawatan kanser kepada kanak-kanak dapat diperluaskan.

Tidak teruskan rawatan

Sementara itu, Pakar Perunding Hematologi dan Onkologi Pediatrik, Hospital Tunku Azizah (HTA), iaitu hospital wanita dan kanak-kanak di sini, Dr Zulaiha Muda, berkata sekurang-kurangnya 10 peratus daripada keseluruhan kes baharu kanak-kanak menghidap kanser memilih tidak meneruskan rawatan di hospital.

"Ada yang mahu cuba kaedah alternatif terlebih dahulu. Bermaksud masih banyak program kesedaran perlu diusahakan supaya ibu bapa hantar anak ke hospital," katanya.

Beliau percaya banyak lagi kes kanser membabitkan pesakit kanak-kanak tidak dirujuk ke hospital kerana keluarga membawa mereka menjalani rawatan alternatif.

Katanya, selain terpengaruh dengan janji proses rawatan yang mudah dan kesembuhan, alasan lain diberikan mereka yang mencuba kaedah alternatif adalah tidak mahu melalui tempoh rawatan yang panjang dan risiko disebabkan prosedur mencucuk tulang belakang jika ke hospital.

"Ada yang anggap prosedur cucuk tulang belakang akan menyebabkan lumpuh, sedangkan stigma itu tidak betul. Lewat mendapatkan rawatan sebenarnya boleh menyebabkan risiko kanser merebak ke otak dan saraf tunjang, yang sebenarnya menyebabkan lumpuh.

"Selain itu, ada juga memilih kaedah alternatif terlebih dahulu dan apabila kanser sudah teruk, baru dibawa ke hospital. Mereka perlu tahu kanser merebak dengan agresif dan cepat dalam tempoh beberapa hari sahaja, justeru rawatan perlu diberikan segera," katanya.

Eksklusif

Kes kanser kanak-kanak di Malaysia

- **4,303** kes kanser babit pesakit usia 19 tahun dan ke bawah pada 2012-2016
- **34.3 peratus** babit kanser leukemia
- **14.5 peratus** babit kanser limfoma
- **1,000 kes baharu** kanser kanak-kanak dikesan pada 2023
- **250 kes baharu** direkodkan di HTA pada 2023

(Sumber: Laporan Insiden Kanser Kanak-kanak di Malaysia 2012-2016)

Dr Zulaiha berkata, di negara ini, kadar kesembuhan kanser membabitkan pesakit kanak-kanak, khususnya leukemia merekodkan jumlah diagnosis tertinggi sebanyak 88.4 peratus, namun jangka hayat mereka selepas pulih lebih lama berbanding pesakit dewasa atau geriatrik.

Bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, sebelum ini dilaporkan mengakui negara berdepan kekurangan akses kepada rawatan kanser untuk rakyat berpendapatan rendah dan mereka yang tinggal di kawasan luar bandar.

Julai lalu, KKM memaklumkan kes kanser yang dikesan pada tahap tiga dan empat meningkat 64.1 peratus antara 2017 hingga 2021 berbanding 63.7 peratus antara 2012 hingga 2016, perkembangan membimbangkan kerana kadar kelangsungan hidup menjadi lebih rendah jika kanser dikesan lewat.

Peningkatan itu secara tidak langsung menyaksikan Malaysia kini berdepan dengan beban kanser yang sangat besar. Ia disifatkan penyakit kronik yang menjadi penyebab ketiga kematian dengan 15,200 kes pada 2022.

Dari 2017 hingga 2021, 10 jenis kanser paling kerap dikesan dalam kalangan rakyat Malaysia, disenaraikan mengikut keutamaan adalah kanser payudara, kanser kolorektal, kanser paru-paru, limfoma, kanser hati, kanser prostat, leukemia, kanser nasopharynx, kanser rahim dan kanser ovari.

• Lewat mendapatkan rawatan sebenarnya boleh menyebabkan risiko kanser merebak ke otak dan saraf tunjang, yang sebenarnya menyebabkan lumpuh



Dr Zulaiha Muda, Pakar Perunding Hematologi dan Onkologi Pediatrik, Hospital Tunku Azizah

• Ada pesakit terpaksa sewa kereta kerana tiada kenderaan. Dalam sesetengah kes, disebabkan kekurangan akses rawatan, ada keluarga lambat menghantar anak mereka ke hospital



Mohd Shah Awaluddin, Presiden Persatuan Sokongan Kanser Kanak-Kanak

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NASIONAL

BH Isnin, 2 September 2024

Nasional

13

Kanak-kanak dijangkiti Mpox berdepan komplikasi lebih teruk

Jangkitan tidak mudah menular dalam persekitaran sosial biasa seperti COVID-19

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
bhnews@bh.com.my

Kota Bharu: Kanak-kanak, individu berimuniti rendah, penghidap ekzema dan wanita mengandung mudah mendapat jangkitan Mpox atau cacar monyet yang teruk dengan kadar kematian lebih tinggi.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Unit Kesihatan Awam (UKA), Jabatan Perubatan Masyarakat (JPM), Pusat Pengajian

Sains Perubatan (PPSP), Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Madya Dr Wan Mohd Zahiruddin Wan Mohammad, berkata jika Mpox menjangkiti kanak-kanak dan individu yang mempunyai tahap imuniti rendah, teruk daripada keradangan kulit, kerosakan pada otak (ensefalitis), jantung (miokarditis) atau paru-paru (pneumonia), masalah mata dan kematian.

Katanya, Mpox merebak melalui kontak rapat yang berpanjangan, lebih mudah dikenal pasti gejala atau tanda, tetapi tidak mudah menular dalam persekitaran sosial biasa seperti COVID-19 yang mempunyai kadar kebole-hangkitan (Ro) lebih tinggi dan mudah menular secara titisan pernafasan dan melalui udara serta pelbagai varian.

"Jangkitan Mpox' daripada je-

nis 'clade I' berpotensi untuk menyebabkan gejala lebih teruk dan kematian berbanding 'clade II'. Kadar kematian di negara endemik Mpox juga rendah, dianggarkan antara tiga hingga enam peratus sahaja.

"Secara umumnya, Mpox kurang berbahaya dan lazimnya akan sembuh sendiri tanpa sebarang rawatan khusus," katanya.

Dua fasa bergejala

Katanya, jika seseorang terdedah kepada virus Mpox, ia mungkin mengambil masa selama enam hingga 13 hari (dalam julat lima hingga 21 hari) tempoh inkubasi sebelum fasa gejala mula kelihatan.

"Fasa bergejala boleh dibaha-



Dr Wan Mohd Zahiruddin

gikan kepada dua iaitu Fasa 1 selama satu hingga lima hari pertama dengan gejala jangkitan virus seperti demam, sakit kepala, sakit belakang, sakit otot dan kelesuan serta bengkak kelenjar limfa.

"Fasa 2 pula ialah selepas satu hingga tiga hari demam dan muncul gejala ruam pada tangan, kaki, dada, muka, mulut atau kawasan alat kelamin.

"Ruam akan melalui beberapa peringkat iaitu pada mulanya kelihatan seperti jerawat atau lepuh (berair) dan berakhir dengan kulitis atau keruping (scabs) sebelum sembuh. Pesakit yang dijangkiti Mpox biasanya akan mengalami gejala selama dua hingga empat minggu," katanya.

Katanya, virus Mpox boleh disebarkan kepada individu lain dalam tempoh sehari sebelum berlaku ruam pada kulit sehingga 21 hari, bermula gejala atau sehingga keruping tertanggal dan pesakit tidak lagi bergejala.

"Semua pihak perlu mengamalkan langkah pencegahan dan mendapatkan rawatan awal apabila mempunyai gejala jangkitan virus, bengkak kelenjar limfa diikuti tanda ruam.

"Elak sentuhan langsung dengan orang lain, termasuk ahli keluarga apabila terdapat gejala dan lakukan isolasi awal sekiranya bagi individu positif Mpox untuk memutuskan rantaian jangkitan.

"Kontak rapat kepada kes yang disyaki atau disahkan Mpox juga dinasihatkan menjalani pemerhatian gejala dan tanda Mpox selama 21 hari dari tarikh akhir pendedahan," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 17
RUANGAN : NASIONAL

Restoran nasi kandar, kopitiam kotor diarah tutup 2 minggu

Beberapa perkakas dihurungi lipas, laci berlendir kehitaman

Oleh Zuhainy Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

Georgetown: Sebuah restoran nasi kandar terkenal di Bukit Jambul, di sini, diarah tutup 14 hari selepas terdapat lipas berkeliraran pada bekas simpanan sayur dalam peti sejuknya.

Ia dikesan hasil pemeriksaan pegawai penguat kuasa dari Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut menerusi Op Merdeka, kelmarin.

Premis kopitiam yang menjadi tempat 'lepas' warga asing berhampiran lokasi berkenaan

turut diberi notis sama berikutan penemuan lipas di rak buat minuman, perangkap minyak dan dinding premis.

Malah, seorang lelaki yang disyaki pemilik premis cuba membuat provokasi terhadap pegawai penguat kuasa apabila kedai minuman itu diarah tutup.

Tinjauan mendapati tempat cucian di luar premis, kotor dan meloyakan serta dihurungi lipas, sementara terdapat lebih lima unit gerai masakan turut beroperasi di kaki lima kedai dengan menempatkan dapur masakan.

Pemeriksaan laci di rak bancuh minuman mendapati keadaan kotor dan berlendir kehitaman.

6 premis diarah tutup

Pegawai Operasi Unit Kualiti dan Keselamatan Makanan Pejabat Daerah Timur Laut, M Shashikumar, berkata restoran nasi kandar dan kopitiam itu antara enam premis yang diarah tutup berikutan pelbagai kesalahan termasuk kebersihan

yang tidak memuaskan.

Katanya, kesemua penutupan premis dilakukan mengikut Akta Makanan 1983.

"Operasi yang dijalankan sejak pagi sehingga jam 8 malam itu membabitkan pemeriksaan terhadap 17 premis termasuk restoran jualan nasi padang, nasi beriani, nasi ayam penyet dan 'kedai Aceh'.

"Keseluruhannya sebanyak 21 notis berjumlah RM20,300 dikeluarkan dengan 17 daripadanya mengikut Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009 dan empat lagi mengikut Peraturan-peraturan Makanan 1985," katanya ketika ditemui di lokasi, kelmarin.

Shashikumar berkata, pihaknya juga merampas barangan sudah tamat tempoh, selain makanan dengan label tiada alamat pengimport Malaysia.

"Barangan itu seperti minuman susu, biskut dan beberapa makanan harian yang keseluruhannya berjumlah RM2,624.20," katanya.



Penguat kuasa Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut memeriksa premis makanan di Bukit Jambul, Georgetown, menerusi Op Merdeka, kelmarin.
(Foto Zuhainy Zulkiffli/BH)

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : LOKAL

Kota Bharu: Kanak-kanak, individu berimuniti rendah, penghidap ekzema dan wanita mengandung mudah mendapat jangkitan Mpox atau cacar monyet yang teruk dengan kadar kematian lebih tinggi.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam (UKA), Jabatan Perubatan Masyarakat (JPM), Pusat Pengajian Sains Perubatan (PPSP), Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Madya Dr Wan Mohd Zahiruddin Wan Mohammad **(gambar)** berkata, komplikasi yang teruk boleh berlaku sekiranya Mpox menjangkiti kanak-kanak dan individu yang mempunyai tahap imuniti rendah termasuk jangkitan bakteria yang teruk daripada keradangan kulit, kerosakan pada otak

Kanak-kanak, wanita hamil mudah dijangkiti Mpox

(ensefalitis), jantung (miokarditis) atau paru-paru (pneumonia), masalah mata dan juga kematian.

Katanya, Mpox merebak melalui kontak rapat yang berpanjangan, lebih mudah dikenal pasti gejala atau tanda, tetapi tidak mudah menukar dalam persekitaran sosial biasa seperti Covid-19.

"Jangkitan Mpox daripada jenis 'clade I' berpotensi untuk menyebabkan gejala lebih teruk dan kematian berbanding 'clade II'.

Kadar kematian di negara endemik Mpox juga rendah, dianggarkan antara tiga hingga enam peratus sahaja.

"Secara umumnya, Mpox kurang berbahaya dan lazimnya akan sembuh sendiri tanpa sebarang rawatan khusus," katanya.

Katanya, jika seseorang terdedah kepada virus Mpox,

ia mungkin mengambil masa selama enam hingga 13 hari (dalam julat lima hingga 21 hari) tempoh inkubasi sebelum fasa gejala mula kelihatan.

"Fasa bergejala boleh dibahagikan kepada dua iaitu Fasa 1 selama satu hingga lima hari pertama dengan gejala jangkitan virus seperti demam, sakit kepala, sakit belakang, sakit otot dan kelesuan serta bengkak kelenjar limfa.

"Manakala Fasa 2 pula ialah selepas satu hingga tiga hari demam dan muncul gejala ruam pada tangan, kaki, dada, muka, mulut atau kawasan alat kelamin.



AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : LOKAL



KEDAI minuman di Bukit Jambul diarah tutup selama 14 hari. Gambar kecil, keadaan kopitiam di Bukit Jambul yang kotor.
- Gambar NSTP/ ZUHAINY ZULKIFFLI

LIPAS BERKELIARAN

Restoran nasi kandar diarah tutup

Georgetown: Lipas berkeliaran pada bekas simpanan sayur dalam peti sejuk menyebabkan sebuah restoran nasi kandar terkenal di Bukit Jambul di sini, diarah tutup selama 14 hari, kelmarin.

Bagaimanapun, penyelia restoran berkenaan akur dengan perintah itu selepas pemeriksaan oleh penguat kuasa Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut menerusi Op Merdeka.

Manakala kopitiam yang menjadi tempat 'lepak' warga asing berhampiran lokasi berkenaan turut diberi notis sama berikutan penemuan lipas di rak buat

minuman, perangkap minyak dan dinding premis.

Malah, seorang lelaki yang disyaki ada kaitan dengan premis terbabit cuba membuat provokasi terhadap penguat kuasa apabila kedai minuman itu diarah tutup.

Tinjauan Harian Metro mendapati, tempat cucian di luar premis kotor dan meloyakan serta dihurung lipas sementara terdapat lebih lima unit gerai masakan turut beroperasi di kaki lima kedai dengan menempatkan dapur masakan.

Pemeriksaan pada bahagian laci di rak bancuh minuman mendapati keadaan

anyanya kotor dan berlendir kehitaman.

Pegawai Operasi Unit Kualiti dan Keselamatan Makanan Pejabat Daerah Timur Laut M Shashikumar berkata, restoran nasi kandar dan kopitiam itu antara enam premis yang diarah tutup berikutan pelbagai kesalahan, termasuk kebersihan yang tidak memuaskan.

Katanya, kesemua penutupan premis dilakukan mengikut Akta Makanan 1983.

"Operasi yang dijalankan sejak pagi sehingga jam 8 malam itu membabitkan pemeriksaan terhadap 17

premis termasuk restoran jualan nasi padang, nasi beriani, nasi ayam penyet, 'kedai Acheh' dan lain-lain lagi.

"Keseluruhannya, 21 notis berjumlah RM20,300 dikeluarkan yang mana 17 daripadanya mengikut Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009 dan empat lagi mengikut Peraturan-peraturan Makanan 1985," katanya.

Menurut Shashikumar, pihaknya turut merampas barangan yang sudah tamat tempoh selain makanan dengan label tiada alamat pengimport Malaysia.